

e-BuletinUiTMCM

Citra



| UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Salam

رمضان كريم

1442 H



APR

eBuletinUiTMCM /21
Vol.04 -April 2021

Sorotan menarik bulan April:

Terawih Pertama 2021

Suasana malam pertama terawih dan subuh di masjid Al-Hikmah UiTM Cawangan Melaka sangat meriah

SIRI WEBINAR ONLINE



Cawangan Melaka

Syabas, Tahniah dan Terima Kasih

WARGA UiTM CAWANGAN MELAKA

atas penganugerahan

TEMPAT KEDUA

KATEGORI MuUmoA TERBAIK

dalam

ANUGERAH MeTIC 9 / 2021

sempena

Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN
bersama Timbalan Dekan, Timbalan Rektor (PUJ) dan Koordinator ICAN (Metic) 9 / 2021

pada

1 hingga 2 April 2021

di

Shilis Daripada

Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Mempersembahkan Pelbagai
Persembahan Bersempena Bulan Ramadan

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Keempat - April 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No. Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara





Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Penaung
Prof Dr Abd Halim
Mohd Noor



Penolong Ketua Editor
Arif Imran bin
Anuar Yatim



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti
Hashim



Editor Buletin
Wendy Sharon Yapp
binti Abdullah



Editor Buletin
Siti Fairuz Binti
Abd Razak



Editor Grafik
Mohd Hanif bin
Mohd Omar



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Mohamad Asrol bin
Arshad



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat

UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	6
------------------------	---

Program-program Universiti

Program Ekspo Inspirasi 2021	8
Perjumpaan Rektor Bersama Majlis Perwakilan Pelajar	9
Bengkel Asas Suntingan Video	10
Kursus Pengurusan Organisasi Keselamatan Kebakaran	11
Syarikat Taveekun berkongsi ilmu pertanian tentang penerangan teknik pembajaan	12
Agihan Bubur Lambuk kepada Warga Uitm	13
Pameran sempena Karnival Kerjaya 3 Daerah Negeri Melaka	14
Tarawih pertama 2021	15
Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba	16
Majlis menandatangani MOU di antara FPN UiTMCM bersama Politeknik Negeri Padang	17
Virtual International Discussion and MoU Signing	18
Program Service Learning Malaysia University For Society (SULAM)	19
Mesyuarat pembukaan Lawatan Audit IQA-02 Akreditasi Penuh Program Akademik	20
Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Jasin	21
Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Bandaraya Melaka	22
Sumbangan zakat kepada pelajar asnaf UiTM Cawangan Melaka	23
Program memasak bubur lambuk gabungan PEWANI dan ACIS	24

Siri Bengkel & Webinar

Webinar Tafaqquh Fiqh Wanita Dalam Islam: Haid dan Taharah	26-27
--	-------

Pelantikan

Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka	30
---	----

Kejayaan & Pencapaian

Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti	32-34
--	-------

UiTM Artikel

Koridor Pertama Di Pesisir Pantai Selat Melaka	36
M-wez Beri Impak Dari Sudut Sosiologi Rakyat	37
Ramadan: 'ancaman' Nabi Saw	38
Kukuh Akar Umbi Bukan Penting Diri	39
Salah Guna Internet, Hilang Pahala Puasa	40
30 Pelajar Asnaf Dapat Komputer Riba	41
Bimbang rentas negeri cetus gelombang keempat	41

Dari Meja

KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Al Mubarak 1442H kepada semua warga kampus dan seluruh umat Islam.

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya Unit Komunikasi Korporat dapat menyiapkan buletin edisi yang keempat untuk keluaran bulan April 2021 untuk tatapan semua.

Buletin kali ini lebih mengisarkan mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan. Segala aktiviti yang dijalankan tetap mengikut SOP yang ditetapkan dan berjalan lancar.

Semoga dengan keluaran kali ini dapat memberi segala info dan maklumat yang boleh dijadikan rujukan dan panduan semua.

Ramadan kini bertamu lagi
Di sambut dengan penuh keindahan
Walaupun Covid masih di sini
Semangat berkerja tetap diteruskan



Program-program Universiti

Program Ekspo Inspirasi 2021



MELAKA, 04 April 2021 - Telah berlangsung program Ekspo Inspirasi 2021 di Aeon Bandaraya, Melaka selama 2 hari yang dianjurkan oleh Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Cawangan Melaka.

Ekspo ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan program-program pengajian diploma dan ijazah sarjana muda yang ditawarkan bagi pengambilan September 2021.

Menerusi ekspo ini juga, para pengunjung dapat mengetahui info lanjut berkaitan cara untuk menyambung pengajian ke peringkat pasca siswazah yang dikendalikan oleh pihak IPSis UiTM Cawangan Melaka.

Selain dari pameran hasil-hasil karya pelajar FSSR, terdapat pelbagai aktiviti sepanjang eksporia berlangsung seperti demonstrasi seni, borak arca ZAS dan pameran produk TEJA batik hasil keluaran UiTMCM. Tahniah diucapkan.

Perjumpaan Rektor Bersama Majlis Perwakilan Pelajar



ALOR GAJAH, 7 April 2021 - Seramai 20 orang pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2020/2021 dari Kampus Alor Gajah, Kampus Jasin dan Kampus Bandaraya telah mengadakan Lawatan Muhibah bersama Ybhg. Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor, UiTM Cawangan Melaka bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Kampus Alor Gajah. Program ini dijalankan adalah bertujuan untuk memperkenalkan barisan MPP Sesi 2020/2021 serta membentangkan hala tuju dan pelan strategik MPP sepanjang tempoh perkhidmatan mereka

kepada Ybhg. Rektor. Sesi lawatan ini turut membincangkan isu-isu yang berbangkit terutamanya dari aspek permasalahan mahasiswa dan jalan penyelesaian bagi memastikan mahasiswa dapat belajar dalam keadaan yang kondusif. Turut bersama dalam sesi Lawatan Muhibah ialah Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Melaka, Encik Mohd Irwan Rosli, Pegawai Eksekutif Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Encik Mohd Hilmi Bakar, Penasihat MPP.





BENGKEL ASAS SUNTINGAN VIDEO



MELAKA, 7 April 2021 – Unit Hal Ehwal Kurikulum dan Pembangunan Akademik (UCAAD) telah mengadakan Bengkel Asas Suntingan Video bertempat di Makmal Komputer 11, KPP-1, UiTM Kampus Alor Gajah, Cawangan Melaka bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Ceramah telah disampaikan oleh En. Mohd Abqari bin Ayob, pensyarah FSSR dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Ismadi Bin Md Badarudin, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Melaka.

Di bawah pimpinan Puan Ilinadia Jamil, seramai 20 orang peserta dari pelbagai fakulti telah menghadiri bengkel tersebut. Tujuan utama bengkel diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah penyuntingan video menggunakan perisian Adobe Premiere. Diharap dengan penganjuran bengkel ini akan memberi ilmu baharu kepada para peserta di samping memenuhi PI UiTM dalam melahirkan pensyarah berdaya kreatif dan inovatif.



Kursus Pengurusan Organisasi Keselamatan Kebakaran

ALOR GAJAH, 07 April 2021
– Telah berlangsung Kursus Pengurusan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) / (ERT) Peringkat UiTM Cawangan Melaka tahun 2021 pada 5 April hingga 7 April 2021 di Kampus Alor Gajah anjuran Jawatankuasa Pengurusan Operasi Bencana UiTMCM (JOBN) dan Unit Pengurusan Risiko dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka serta Balai Bomba Alor Gajah Melaka. Antara objektif penganjuran kursus ini adalah :-

1) Memberi pendedahan kepada kakitangan tentang kaedah menyelamatkan sekiranya berlaku situasi bencana kebakaran

2) Pendedahan terperinci dari segi teori serta amali dan perkara yang perlu dilakukan dan tidak boleh dilakukan ketika berlaku kebakaran

3) Mempelajari langkah-langkah menghadapi situasi bencana kebakaran dengan kepakaran dan kemudahan latihan dari balai bomba Alor Gajah. Disamping itu penganjuran kursus ini juga adalah untuk menubuhkan pasukan "Emergency Respons Team" ERT UiTM Cawangan Melaka di ketiga-tiga kampus.

Majlis Penutup dan Penyampaian Cenderahati telah disempurnakan oleh YBhg Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTMCM kepada YBrs. PgKB I R. Saiful Iswandy R. Hassan, Penguasa Bomba Kanan 1, merangkap Timbalan Pengarah mewakili Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka. Turut hadir bersama YBrs. PKPgB Mohd Zamri Omar, Ketua Balai Bomba Daerah Alor Gajah serta barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN).



Syarikat Taveekun berkongsi ilmu pertanian tentang penerangan teknik pembajaan

ALOR GAJAH, 8 April 2021 - Telah berlangsung taklimat dan penerangan teknik pembajaan daripada En Jasmin Jasin, wakil syarikat Taaveekun, Zon Selatan kepada Jawatankuasa Pelaksana WaDI.

Syarikat berkongsi pengalaman dan penerangan tentang kepentingan ilmu pertanian, khususnya teknik pembajaan yang betul dan tepat, bagi memastikan kesuburan tanah dan pokok secara optimum.

Syarikat juga turut menyumbangkan baja kepada pihak WaDI, yang disampaikan terus kepada Ybhg. Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Taklimat ini berlangsung di majlis doa selamat dan kesyukuran sempena menyambut bulan Ramadhan tidak lama lagi.



Agihan Bubur Lambuk kepada Warga Uitm

MELAKA, 9 April 2021 -
Sebanyak 2,200 bekas bubur
lambuk telah diagihkan kepada
Warga UiTM Cawangan Melaka
di ketiga-tiga kampus
disumbangkan bersempena
program Kongsi Rezeki YAB
Ketua Menteri Melaka.

Program ini diselenggarakan oleh
pihak Bahagian Hal Ehwal
Pelajar bersama Bahagian
Pentadbiran UiTM Cawangan
Melaka.

Terima kasih YAB Datuk Seri
Utama Haji Sulaiman bin Md
Ali.





Pameran sempena Karnival Kerjaya 3 Daerah Negeri Melaka



Karnival kerjaya ini melibatkan pelbagai agensi, pihak swasta serta institut pengajian tinggi bagi memberi peluang orang ramai mendapatkan maklumat berkenaan pekerjaan, kaunseling kerjaya, ujian psikometrik, sesi Grooming, Kursus Keusahawanan dan Usahawan Digital.



MASJID TANAH, 10 April 2021 - Pameran sempena Karnival Kerjaya 3 Daerah Negeri Melaka yang berlangsung pada 10 April 2021 bertempat di Kompleks Sukan Masjid Tanah anjuran Institut Tun Perak dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri.

UiTM Cawangan Melaka menyertai pameran ini diselenggarakan oleh Misi Akademik Universiti bersama Bahagian Hal Ehwal Akademik, Unit Komunikasi Korporat dan wakil-wakil dari fakulti.





Tarawih pertama 2021

ALOR GAJAH, 12 April 2021 - Anak muda bangkit! Itulah gambaran yang dapat diungkap bagi menyambut kedatangan Ramadhan 1442H tahun ini di sini. Suasana malam pertama terawih dan subuh di masjid AL-Hikmah UiTM Cawangan Melaka sangat meriah dan di gunakan sebaiknya oleh pelajar-pelajar ini. Peluang dan kebenaran untuk berjemaah di masjid digunakan mereka sebaiknya.

Mereka memenuhi waktu senggang selepas maghrib dan seusai subuh dengan bertadarus AL-Quran. Malahan kemudahan masjid seperti kipas gergasi, tempat wuduk dan karpas yang kini telah di naik taraf membuatkan mereka berasa selesa dan ingin hadir ke masjid. Ini adalah langkah-langkah yang telah di ambil oleh pihak AJK dan pengurusan masjid seawal tahun lalu bagi memastikan peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat ibadah namun sebagai pusat yang mempunyai

fungsi yang pelbagai. Khususnya bagi menarik anak muda untuk datang mengimarahkan masjid. Untuk maklumat pelajar-pelajar dan staff di dalam UiTMCM ini di kenakan kawalan yang sangat ketat untuk kemasukkan ke kawasan premis. Para pelajar yang telah masuk tidak akan di benarkan keluar, permohonan keluar hanya diberikan kepada pelajar dengan kebenaran rektor berdasarkan beberapa faktor utama. Di awal pendaftaran masuk, mereka di kenakan proses isolasi bagi mengesan simptom-simptom awal wabak. Sekiranya mereka di dapati tidak bergejala barulah mereka akan di benarkan untuk menetap ke kolej bersama pelajar-pelajar lain. Keselamatan pelajar-pelajar di sini adalah sangat di titik beratkan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti. Semoga Ramadhan tahun ini menjadikan kita dan seluruh warga UiTMCM, insan yang lebih baik dari tahun sebelumnya.



Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba

ALOR GAJAH, 21 April 2021 - Telah berlangsung Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba oleh Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-Wazif), UiTM Cawangan Melaka kepada 30 pelajar-pelajar asnaf miskin UiTM Melaka hari ini di pejabat Rektor, UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka.

Penyerahan ini disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Melaka dalam satu Majlis Sumbangan Komputer Riba Daripada Tabung Haji Kepada Pelajar-Pelajar UiTM Cawangan Melaka. Turut bersama dalam majlis ini ialah En. Muaz Mohd Noor, Koordinator Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-Wazif), UiTM Melaka.

Sumbangan 30 unit komputer riba oleh Zakat korporat Tabung Haji kepada pelajar UiTM Cawangan Melaka ini adalah sebahagian daripada peruntukan sumbangan lebih 500 unit komputer riba secara percuma kepada pelajar-pelajar asnaf miskin UiTM di seluruh negara. Menurut Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor, para penerima perlulah memanfaatkan sebaik mungkin sumbangan komputer riba ini khusus untuk tujuan pembelajaran. Selain ianya merupakan impian dan hasrat daripada penyumbang, ia juga adalah daripada harta zakat yang sepatutnya digunakan untuk tujuan dan dengan cara yang baik.



Majlis menandatangani MOU di antara Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Melaka (FPN UiTMCM) bersama Politeknik Negeri Padang (PNP)



ALOR GAJAH, 21 April 2021 – Satu majlis menandatangani MOU di antara Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Melaka (FPN UiTMCM) bersama Politeknik Negeri Padang (PNP) telah dijalankan pada hari Rabu, 21 April 2021. UiTM Cawangan Melaka diwakili oleh Rektor, Prof. Dr Abdul Halim Mohd Noor manakala pihak Politeknik Negeri Padang diwakili oleh Direktor Dr Surya Yondri.



Majlis kali ini menjadi lebih unik kerana kedua-dua pihak menandatangani dokumen secara maya berikutan masalah pandemic Covid-19 yang masih melanda kedua-dua negara.



Turut hadir bersama di dalam majlis berkenaan adalah barisan Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif UiTMCM, barisan Pentadbir PNP dan barisan Pengurusan FPN.

Objektif Memorandum persefahaman ini diadakan bertujuan untuk memastikan pihak UiTM dan PNP akan berkolaborasi untuk menguatkan, menggalakkan dan membangunkan bidang akademik, kebudayaan dan penyelidikan antara kedua-dua pihak atas dasar keuntungan bersama dan saksama.

Virtual International Discussion and MoU Signing

ALOR GAJAH, 21 April 2021 – Telah berlangsung "Virtual International Discussion and MoU Signing between Universitas TIDAR, Magelang, Indonesia and UiTM Cawangan Melaka, Malaysia" yang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Kampus Alor Gajah pada 21 April 2021. Majlis menandatangani MoU secara virtual ini telah disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Melaka, YBhg. Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor dan juga Rektor Universitas TIDAR, Yg Bhg. Profesor Dr. Ir. Mukh Arifin.

MoU yang dimeterai ini menumpukan kepada jalinan kerjasama di antara kedua-dua universiti dalam bidang-bidang teras yang dikenalpasti dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian optimum demi meningkatkan kualiti dan mencapai tanda aras yang diinginkan. Dengan adanya pelbagai pertukaran idea dan perbincangan ilmiah yang terhasil daripada MoU yang terjalin, kedua-dua pihak berharap ia akan dapat membuka jalan kearah lebih banyak peluang kerjasama antarabangsa.

Turut hadir juga Prof Madya Dr Ismadi Md Badarudin selaku TRHEA, Prof Ts. Dr. Shafinar Ismail TRPji, Puan Sumarni Maulan selaku KPP APB serta barisan pensyarah APB UiTM Cawangan Melaka.

Tahniah kepada APB UiTM Cawangan Melaka dan Universitas TIDAR kerana telah berjaya menandatangani memorandum persefahaman ini dan semoga jalinan dan ikatan yang tersimpul ini diharapkan dapat membawa UiTM Cawangan Melaka dan Universitas TIDAR ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.



Program Service Learning Malaysia University For Society (SULAM)



ALOR GAJAH, 24 April 2021 - Telah berlangsung Program Service Learning Malaysia University For Society (SULAM) Drugs: Killer Of Society anjuran pelajar kursus kokurikulum Pendidikan Pencegahan Dadah Lanjutan (HPD236) UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Alor Gajah.

Program ini turut menyantuni komuniti kanak-kanak melalui program sumbangan bantuan barangan dan wang tunai berjumlah RM1,500.00 yang diberikan kepada Rumah Kasih Harmoni Ampang bagi keperluan bulan Ramadhan serta Pertandingan Art Therapy Awareness on Drugs Prevention yang mengetengahkan kempen kesedaran tentang bahayanya penyalahgunaan dadah kepada komuniti secara kreatif.



Mesyuarat pembukaan Lawatan Audit IQA-02 Akreditasi Penuh Program Akademik

ALOR GAJAH, 25 April 2021 - Telah berlangsung Mesyuarat pembukaan Lawatan Audit IQA-02 Akreditasi Penuh Program Akademik LG120 Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional.

Mesyuarat diketuai oleh Dr Rasidah Hamid, Ketua Akreditasi Program Sains Sosial, inQKA telah membentangkan fungsi dan peranan inQKA dalam membuat penilaian terhadap kualiti.

Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Pn Zarina Abu Bakar, Pn Hairani Wahab dan Prof Madya Dr Hasuria Che Omar sebagai panel penilai lawatan audit akreditasi penuh program LG120. YBhg. Rektor, Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor bersama Timbalan-timbalan Rektor, Ketua Pusat Pengajian serta Pengurusan APB juga hadir dalam sesi ini. Lawatan audit akreditasi penuh ini berjalan secara maya dan berlangsung selama dua hari bermula 28 hingga 29 April 2021.





Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Jasin

26 April 2021 - Telah berlangsung Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Jasin dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam & ACIS, Kelab Kebajikan Staf (KEKS) serta Bank Rakyat Cawangan Jasin.



Sebanyak 3 periuk bubur lambuk telah dimasak secara gotong - royong oleh staf UiTM Kampus Jasin serta staf Bank Rakyat. Program bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 3.00 petang. Bank Rakyat Cawangan Jasin dengan berbesar hati telah menyumbangkan sebanyak RM 300 dan telah mengagihkan sebanyak 300 mangkuk bubur lambuk kepada staf Kampus Jasin.



En Mohd Fadil Bin Ninggal Pengurus Bank Rakyat Cawangan Jasin telah memberikan bubur kepada Penolong rektor UiTM Kampus, Dr Siti Normah Awang Tuah sebagai simbolik penyerahan sumbangan bubur lambuk dari pihak Bank Rakyat. Sebanyak hampir 1000 bungkus bubur lambuk telah diagihkan kepada seluruh warga Kampus Jasin.

Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Bandaraya Melaka



MELAKA, 27 April 2021 - Telah berlangsung Program memasak bubur lambuk UiTM Kampus Bandaraya Melaka dengan kerjasama di antara Unit Hal Ehwal Islam. Sebanyak 2 periuk bubur lambuk telah dimasak secara gotong - royong oleh staf UiTM Kampus Bandaraya.

Program bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 petang. Penyerahan sebanyak 450 bungkus bubur lambuk telah diagihkan kepada seluruh warga Kampus Bandaraya Melaka yang terdiri daripada 100 pelajar serta staf seramai 200, KAG 35 KJM 35 warga kerja pembersihan 20 bungkus serta warga Bank Rakyat 20 bungkus, Bank Islam 20 serta Micost 20.



Sumbangan zakat kepada pelajar asnaf UiTM Cawangan Melaka

ALOR GAJAH, 29 April 2021 - Telah berlangsung majlis penyerahan sumbangan zakat daripada Kooperasi Kakitangan UiTM Bhd (KKUITM Bhd) kepada kepada asnaf miskin dari kalangan pelajar-pelajar UiTM Cawangan Melaka.

Sumbangan ini disampaikan oleh Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka, melalui Pengerusi AJK Syariah KKUITM Bhd, Prof. Madya Dr S Salahudin Suyurno bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Kampus Alor Gajah.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Koordinator Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Ustaz Muaz Mohd Noor, En Naufal Abdul Aziz Pengurus KKUITM Bhd, En Affian Dzulkifli Eksekutif Pemasaran KKUITM Bhd dari UiTM Shah Alam.

Pihak KKUITM Bhd telah menyalurkan RM5,000.00 zakat untuk manfaat pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Melaka.

KKUITM Bhd juga turut menginfak sebanyak RM500.00 untuk projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka.



ALOR GAJAH, 30 April 2021 - Telah berlangsung Program memasak bubur lambuk gabungan Persatuan Wanita UiTM Cawangan Melaka (PEWANI) dan Akademi Pengajian Islam Kotemporari (ACIS).

Sebanyak 2 periuk bubur lambuk telah dimasak secara gotong royong oleh ahli PEWANI dan juga staf ACIS. Program bermula seawal jam 7:30 pagi. Sebanyak 500 bekas bubur lambuk diagihkan kepada staf di Kampus Alor Gajah dan ahli PEWANI di Kampus Bandraya Melaka 46 bekas dan Kampus Jasin 62 bekas. Kerjasama ini telah diadakan buat julung kalinya.

Pengerusi PEWANI, Puan Refeah Abu Bakar dan Ketua Pusat Pengajian ACIS, Dr. S. Salahudin Suyurno mengagihkan bubur lambuk di pintu keluar pada jam 4 petang kepada staf.

Program memasak bubur lambuk gabungan PEWANI dan Akademi Pengajian Islam Kotemporari (ACIS)





Siri Bengkel & Webinar

Universiti



Webinar
TAFACQUH FIQH
Wanita Dalam Islam

JUMAAT | **30 April 2021**
18 Ramadhan 1442
2.30 ptg - 4.30 ptg

Anjuran :
Biro Helwa Masjid Al - Hikmah

Meeting link :
Link Youtube Channel :
<https://www.youtube.com/watch?v=OeNTNINAPk4>

Terbuka kepada semua
Jam latihan akan diberikan kepada Warga UiTM

Penceramah
Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki
Pendidik & Motivator



Moderator
Noorhazalen Saad

Webinar Tafaqquh Fiqh Wanita Dalam Islam: Haid dan Taharah

30 April 2021 – Biro Hal Ehwal Wanita (HELWA), Masjid al-Hikmah, UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan Webinar Tafaqquh Fiqh Wanita Dalam Islam: Haid dan Taharah pada 30 April 2021, jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki dan dirasmikan oleh Prof. Dr Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Di bawah pimpinan Puan Hamidah Binti Janali, seramai 452 peserta dari luar dan dalam UiTM menyertai webinar tersebut.

Tujuan utama webinar ini adalah untuk memberi pendedahan dan perkongsian mengenai darah haid dan kaedah penyucian yang betul. Diharap dengan penganjuran webinar ini sedikit sebanyak dapat memberi ilmu baharu kepada para peserta di samping memenuhi PI Masjid al-Hikmah dalam melahirkan ummah yang berilmu dan berpengetahuan luas.



UITM Cawangan Melaka - FB Rasmi

PROGRAM KEPIMPINAN PEWARIS BANGSA

KEPIMPINAN SURVIVAL BANGSA

MOHD HILMI BAKAR
Pensyarah Kanan

17 April 2021 (Sabtu)
10.00am hingga 12.00pm
Literasi Media & Maklumat dalam Kelangsungan Negara

KEPIMPINAN PROFESIONAL

17 April 2021 (Sabtu)
2.00pm hingga 4.00pm
Amalan Kepimpinan Profesional Mahasiswa Dalam Norma Baharu

AHMAD KHAIRUMAN MD HASIM
Pensyarah Kanan

KEPIMPINAN IKON

18 April 2021 (Ahad)
10.00am hingga 12.00pm
Kaedah Efektif Mendapatkan Tajaan

SHAFEZAH ABDUL WAHAB
Pensyarah Kanan

ANJURAN
UNIT KEPIMPINAN PELAJAR

DENGAN KERJASAMA
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR
SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

UITM Cawangan Melaka

PROGRAM KEPIMPINAN PEWARIS BANGSA

Kepimpinan Survival Bangsa

17 April 2021 (Sabtu)
10.00am hingga 12.00pm
Literasi Media & Maklumat dalam Kelangsungan Negara

anjuran
UNIT KEPIMPINAN PELAJAR
dengan kerjasama
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR
SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

MOHD HILMI BAKAR
Pensyarah Kanan

UITM Cawangan Melaka - FB Rasmi

UITM Cawangan Melaka

PROGRAM KEPIMPINAN PEWARIS BANGSA

Kepimpinan Profesional

17 April 2021 (Sabtu)
2.00pm hingga 4.00pm
Amalan Kepimpinan Profesional Mahasiswa Dalam Norma Baharu

anjuran
UNIT KEPIMPINAN PELAJAR
dengan kerjasama
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR
SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

AHMAD KHAIRUMAN MD HASIM
Pensyarah Kanan

UITM Cawangan Melaka - FB Rasmi

UITM Cawangan Melaka

PROGRAM KEPIMPINAN PEWARIS BANGSA

Kepimpinan Ikon

18 April 2021 (Ahad)
10.00am hingga 12.00pm
Kaedah Efektif Mendapatkan Tajaan

anjuran
UNIT KEPIMPINAN PELAJAR
dengan kerjasama
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR
SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

SHAFEZAH ABDUL WAHAB
Pensyarah Kanan

UITM Cawangan Melaka - FB Rasmi

INTERNATIONAL HOSPITALITY ENTREPRENEURSHIP AND INNOVATION CONFERENCE

Refocusing and Strengthening The Hospitality Sectors with Local Wisdom and Community In The Aftermath of the Covid-19 Pandemic

Organized by Hotel Administration & 2017 Bait Tourism Polytechnic

KEYNOTE SPEAKERS

Dr. H. Sandiaga Salahuddin Uno
B.S.A., M.B.A.,
Minister of Tourism and Creative Economy
(to be confirm)

Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor
Rector UITM Cawangan Melaka Malaysia

Dr. Beth Aragon
Dean at Lippincott of the Philippines University

OPENING REMARKS

Dr. Ida Bagus Putu Puja, M. Kes
Director of Bait Tourism Polytechnic

SPEAKERS

Prof. Marco Valeri, PhD
Organizational Behavior and Tourism Management Faculty of Economics
Nicolle Cusano University

Oriol Montali
Multi Property Vice President - Marriott International and General Manager at The Westin Resort Nusa Dua

Ni Luh Putu Ary Pertama Djelantik
Founder of NULIH DIELANTIK brand

MODERATORS

Dr. Ni Kalle Jati Sasthiadi, M. Kes
Lecturer of Bait Tourism Polytechnic

Wanwan Gede Kadeke
Lecturer, S.S.T.P
General Manager of Tourism

Ida Indra Shukara, S.S.T.P
Lecturer of Faculty of Tourism
Bait Tourism Polytechnic

FREE CERTIFICATE & REGISTRATION

<http://bit.ly/RegisterParticipateInHEIC2021>
<https://bit.ly/RegisterPresentInHEIC2021>

08 APRIL 07.00 AM
2021 17.00 PM

HYBRID CONFERENCE
ONCE HYBRID
Bait Tourism Polytechnic
ONLINE WITH ZOOM MEETING

www.inheic.com @inheic.ppb inheic Bait Tourism Polytechnic inheic@ppb.ac.id 082134804881

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka





**UCAPAN TAHNIAH,
KEJAYAAN & PENCAPAIAN
WARGA UNIVERSITI**


 **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** Cawangan Melaka

Tahniah

PROFESOR DR. ABD HALIM MOHD NOOR
Rektor

atas pelantikan
**PROFESOR PELAWAT
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
MELAKA (KUIM)**
1 April 2021 - 31 Mac 2023

Ikhtis Daripada
Pengurus Eksekutif
dan Warga UITM Cawangan Melaka

 Menyebarkan Peta
Membentuk Masa Depan


 **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** Cawangan Melaka


Tahniah

EN. NORAZLAN H.J. ANUAL
PENSYARAH KANAN FPP

atas pelantikan sebagai
**PROFESOR / PENSYARAH PELAWAT
DEPARTMENT OF OFFICE MANAGEMENT,
SCHOOL OF GRADUATE STUDIES,
UNIVERSITAS PENDIDIKAN INDONESIA, BANDUNG**
(1 April - 30 Jun 2021)

Ikhtis Daripada
Rektor, Pengurus Eksekutif
dan Warga UITM Cawangan Melaka

 Menyebarkan Peta
Membentuk Masa Depan



Ucapan
TAHNIAT



Tahniah

DR. SITI DALEELA MOHD WAHID
PENSYARAH KANAN FPP

atas penerimaan
ANUGERAH EMAS KEDOKTORAN (SAINS SOSIAL)
DOKTOR FALSAFAH (PhD)

di **MAJLIS KONVOKESYEN UKM ke-48**
pada **4 April 2021**



Ikhtis Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UTM Cawangan Melaka

Menyertakan Potensi
Membentuk Masa Depan

UITM Cawangan Melaka

Syabas, Tahniah dan Terima Kasih

WARGA UTM CAWANGAN MELAKA

atas penganugerahan
TEMPAT KEDUA
KATEGORI MoU/MoA TERBAIK

dalam
ANUGERAH MeTIC 9 / 2021

sempena
Mesyuarat Timbalan Naib Canselor ICAN
bersama Timbalan Dekan, Timbalan Rektor (PJ) dan Koordinator ICAN (Metic) 9 / 2021

pada
1 hingga 2 April 2021

Ikhtis Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UTM Cawangan Melaka

Menyertakan Potensi
Membentuk Masa Depan

UITM Cawangan Melaka



ARTIKEL/MEDIA

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

2 MELAKA HARI INI
3 APRIL 2021 - 11 APRIL 2021
FOKUS

Sempena Majlis Pelancaran M-WEZ

Koridor pertama di pesisir pantai Selat Melaka

Eksklusif
MHI

MOHD Yusoff, M-WEZ diarahkan menajana pelabuhan RM100 bilion dan mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan.

AYER KEROH - Koridor ekonomi baharu berpangkat tinggi, *Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)* menjadi koridor pertama di pesisir pantai Selat Melaka sebagai menjadi potensi pelabuhan yang baik di lautan maritim antara teras-bukit di dunia ini.

Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusoff Abu Bakar berkata, koridor berkecuali 10,117 hektar (25,000 ekar) sepanjang 33 kilometer pesisir pantai dari Tanjung Kling hingga ke Telok Mas itu membabitkan kawasan pembangunan tambak laut seluas 6,070 hektar (15,000 ekar).

Jika dibuat perbandingan, kawasan 6,070 hektar yang akan dibangunkan dengan lima zon utama itu adalah lebih besar daripada saiz Putrajaya seluas 4,931 hektar yang turut menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Menurut Mohd Yusoff, lima zon utama M-WEZ adalah Melaka Harbourfront, *Smart Logistic Nucleus*, *Digital Satellite Township*, *Central Eco Business Park* dan *Trade Nucleus New Township* yang mana kelima-lima zon mempunyai komponen tersendiri dengan fungsi yang saling berkaitan.

"Berbanding koridor ekonomi lain di negara ini, M-WEZ adalah satu-satunya koridor yang terletak di lautan Selat Melaka dengan kelebihan pesisir pantai yang menjadi potensi pelabuhan amat baik kepada para pelabur."

Melaka ialah salah satu lautan maritim terbesar di dunia yang menyaksikan kira-kira 100,000 kapal melalui selat setiap tahun, tentulah menjadi kelebihan besar buat koridor ekonomi berpangkat tinggi ini," katanya.

Apabila siap-lengkap, *Melaka Harbourfront* dijangka akan mempunyai pelabuhan, pusat perdagangan dan loji hidro, hub kontena dan kargo serta zon perindustrian bebas *Smart Logistic Nucleus*, mempunyai hub logistik, pejabat pengurusan kontena dan kargo, institusi dan kemudahan masyarakat serta kawasan rekreasi komersial.

Bagi zon *Digital Satellite Township* dan *Central Eco Business Park* pula akan ditempatkan menara M-WEZ, hotel dan pejabat, perumahan dan penginapan, Pulau Upeh yang akan dijadikan sebagai pulau perikanan, jeti marina, zon perdagangan bebas, Kompleks Kuarantin, Kastam dan Imigresen (CIQ), M-WEZ Harbourfront, hub membeli belah dan hub pembangunan berpacu.

Trade Nucleus New Township

pula dijangka akan dilengkapi sebahagian lagi hub pembangunan bercampur, aktiviti maritim, pusat pembangunan dan penyelidikan, perkhidmatan kapal ke kapal, gudang penyimpanan bio-diesel.

Mengulas lanjut Mohd Yusoff berkata, beliau yakin setakat ini banyak pelabur-pelabur luar negara termasuk Jepun, China, Jerman dan beberapa lagi negara maju menunjukkan keyakinan terhadap M-WEZ yang akan dilancarkan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Kuala Lumpur 8 April ini.

Menurut beliau, lokasi Kuala Lumpur dipilih sebagai pelancaran memandangkan kebanyakan pelabur selain agensi, syarikat gergasi dan dewan perniagaan berpusat di ibu negara.

"M-WEZ yang memerlukan

tempoh masa pembangunan hingga 2035, disasarkan menajana pelabuhan RM100 bilion dan mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan."

"Selepas itu setiap tahun sumbangan disasarkan (contribution) daripada koridor ini adalah lima peratus daripada KDNK Melaka atau berjumlah kira-kira RM3 bilion ke RM4 bilion," katanya.

Kekalkan elemen pembangunan lestari

PROJEK pembangunan M-WEZ dilihat sebagai mercu tanda baharu ekonomi negeri ini dan bakal memberi faedah lebih kepada kepastian negeri rakyat Melaka amnya.

Bagi Penasir Kanan, Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Alor Gajah, Melaka, Dr. Abdul Rahim Ridzuan, beliau berpendapat projek besar seperti M-WEZ ini memerlukan satu penyelidikan khusus dan percaya kerajaan negeri sudah melengkapkan penyelidikan tersebut secara terperinci.

"Saya melihat projek pembangunan besar seperti (M-WEZ) sebenarnya perlu ada kajian penyelidikan terlebih dahulu bagi memahami corak masyarakat sekeliling. Bila kita ada elemen penyelidikan, contohnya seperti negeri Perak, ada pembabitkan ahli akademik bagi membantu Kerajaan Perak membuat penyelidikan terhadap sesuatu pembangunan besar."

"Bila ada penyelidikan yang kuat, baru ada input penting untuk laksana sesuatu pembangunan itu. Saya percaya Kerajaan Melaka melakukan perkara yang sama, namun

perlu ada pemecahan penyelidikan yang betul, bagi pastikan tiada lagi masalah projek tergendala dan perlu ada milestone yang jelas," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Katanya, kerajaan negeri juga perlu menitikberatkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), yang mana setiap jenis pembangunan yang dilaksanakan haruslah seiring dengan segi situasi komuniti setempat serta alam sekitar.

"Terdari segi SDG, keadaan alam sekitar, komuniti setempat serta kesan kepada ekosistem, semua itu perlu diambil kira dan perlu ambil kira kos daripada kesan-kesan buruk dari pencemaran."

"Jika kita melaksanakan pembangunan yang tidak seiring dan menyebabkan kawasan komuniti itu terjejas dari segi pendapatan atau alam sekitar terjejas teruk, itu satu pembangunan tidak seiring dan perlu dielakkan."

"Berbagai tahun sebelum ini, Melaka pernah diiktiraf sebagai negeri yang mematuhi pembangunan SDG, kalau boleh elemen itu diteruskan bagi memastikan pembangunan terus seiring dari pelbagai sudut termasuk alam sekitar amnya," jelasnya.

Beliau turut menekankan kerajaan negeri juga perlu lebih tegas dengan pihak pemaju, jika mahu memastikan setiap projek yang membangunkan dalam M-WEZ dapat diilapkan mengikut masa yang ditetapkan.

"Jika berlaku perjanjian antara kerajaan negeri dan pihak pemaju, Kerajaan Melaka perlu tegas dengan mereka (pemaju), kalau pemaju gagal menepati masa yang ditetapkan, ganti rugi perlu dikenakan."

"Dengan adanya syarat sebegini, pemaju tidak boleh main-main, mereka perlu mematuhi milestone itu perlu dicapai."

"Jadi perkara ini melibatkan undang-undang yang jelas serta diperakui kedua-dua pihak, barulah masalah projek tergendala ini tidak akan berlaku. Kebijaksanaan di pihak undang-undang kerajaan negeri amat penting bagi memperluaskan situasi menang-menang," ujarnya.

Dr. Abdul Rahim percaya, kerajaan negeri telah menetapkan perancangan strategik dalam tempoh beberapa tahun mendatang dan semestinya dalam perancangan itu menyasarkan kepada pertumbuhan ekonomi serta peluang pekerjaan.

"Melaka ini negeri yang kecil,

sektor ekonomi pula banyak bergantung kepada pelancongan untuk menajana pendapatan berbanding dengan yang lain-lain, sebab itu sektor pelancongan yang mahu dibangunkan menerusi M-WEZ ini, harus dijadikan sebagai agenda penting dalam proses pembangunan ini."

"Peluang pekerjaan merupakan satu isu yang besar bagi masyarakat umum, jadi kita tidak mahu jumlah pengangguran itu semakin besar jumlahnya dan diharapkan semasa pembangunan ini berjalan, kerajaan negeri perlu pastikan tenaga kerja barulah majoritinya daripada warga tempatan," katanya.



PEMBANGUNAN lestari dilihat amat penting bagi mengimbangi keadaan komuniti setempat serta alam sekitar.

Artikel Akhbar - Melaka Hari Ini
05 April 2021

Dr. Abdul Rahim Ridzuan
Penasir Kanan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

4 MELAKA HARI INI
6 APRIL 2021 - 11 APRIL 2021

FOKUS

Sempena Majlis Pelancaran M-WEZ Pada 8 April 2021

M-WEZ beri impak dari sudut sosiologi rakyat



Abdullah Fauzi Abdul Majid

PEMBANGUNAN koridor ekonomi baharu yang dikenali sebagai Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) diyakini dapat memberi kesan positif dalam sudut sosiologi masyarakat khususnya kepada rakyat negeri ini.

Penyarah Sosiologi dari Ketua Kumpulan Komunikasi dan Sosial Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Dr. Abdul Rauf Ridzuan berkata, dengan kewujudan M-WEZ, ia bakal membuka lebih banyak

peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sekali gus mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan rakyat. Apabila kadar pengangguran menurun, ujarnya, ia dapat membantu mengurangkan masalah sosial dan pada masa sama kadar jenayah juga akan berkurangan.

"Apabila jenayah menurun, ia akan menjadikan Melaka sebagai negeri yang selamat untuk dilawati yang mana orang ramai sudah tidak takut lagi untuk melawat Melaka," berikutan jenayahnya

berkurangan dan rakyatnya juga mempunyai peluang pekerjaan yang banyak. "Saya percaya, apabila kuasa membeli rakyat semakin besar, ia juga secara tidak langsung membangunkan ekonomi Melaka dan ia menunjukkan kebaikan pembangunan M-WEZ ini dari sudut sosiologi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau bagaimanapun meminta kerajaan negeri untuk menjalankan kajian terperinci terlebih dahulu termasuklah mengim-

bil kira kehendak rakyat di negeri ini sebelum melaksanakan apa jua bentuk pembangunan baharu.

Jelasnya, ia kerana keperluan dan kehendak setiap rakyat akan berbeza saban tahun. Justeru kajian secara berterusan perlu dilakukan untuk mengelakkan timbulnya sebarang masalah di kemudian hari.

"Apa jua bentuk perancangan atau pembangunan yang hendak dijalankan memang memerlukan kajian terperinci. Kita tidak mahu nanti

ada segelintir orang melabel kerajaan ini sebagai kerajaan syok sendiri jika tidak mengambil kira keperluan rakyat.

"Kajian itu juga perlu dibuat selalu, kerana untuk tahun 2021, keperluan masyarakat mungkin berbeza dan apabila lima atau enam tahun lagi, keperluan dan kehendak itu juga akan berubah lagi.

"Jadi, selok-eloknya, kerajaan mengambil kira apa kehendak rakyat dan menyinkronkannya dengan perancangan yang akan dilakukan nanti," katanya lagi.



Dr. Abdul Rauf Ridzuan
// Kewujudan M-WEZ bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sekali gus mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan rakyat. //

Rakyat sambut baik kewujudan M-WEZ



// Jika sebelum ini Melaka lebih sinonim sebagai sebuah negeri pelancongan, namun dengan adanya koridor ekonomi baharu itu, ia dapat mengubah serta mempelbagaikan lagi landskap ekonomi negeri ini. //

Siti Nurshahida Abu Bakar, 33,

RATA-rata rakyat di negeri ini menyambut baik perancangan kerajaan negeri dalam mewujudkan sebuah koridor ekonomi baharu Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang bakal dilancarkan secara rasmi 8 April depan.

Bagi pekerja swasta, Siti Nurshahida Abu Bakar, 33, kewujudan M-WEZ itu disifatkan tepat pada masanya dalam usaha memajukan lagi ekonomi Melaka ke satu tahap yang lebih tinggi.

Jelasnya, jika sebelum ini Melaka lebih sinonim sebagai sebuah negeri pelancongan, namun dengan adanya koridor ekonomi baharu itu, ia dapat mengubah serta mempelbagaikan lagi landskap ekonomi negeri ini.

"Bagi saya memang bagus kerana kedudukan negeri ini yang cukup strategik dikelilingi laut, selain turut berada di jajaran Selat Melaka, ia satu peluang talian perdagangan yang sibuk.

"Saya percaya ia bukan sahaja

mampu merancakkan ekonomi negeri, bahkan tempatnya akan turut dirasai oleh rakyat apabila ia siap nanti," katanya.

Nada sama turut disuarakan golongan belia, Fatin Nurafiza Afendi, 24 yang berharap pembangunan M-WEZ dapat memberi impak negeri ini untuk terus berdaya saing sebagaimana negeri maju yang lain.

"Nampak sahaja negeri kita kecil namun dengan adanya projek mega itu tentu akan memberi kesan jangka panjang yang membangunkan kepada ekonomi rakyat.

"Sebagai anak muda saya harap projek itu dapat memberi tempat kepada golongan anak muda khususnya untuk mendapatkan pekerjaan, yang mana sekarang ini agak sukar berikutan pandemik COVID-19," katanya.

Bagaimanapun, bagi Ketua Jaring Nelayan Pantai Puteri, Azmi Leman, 53, walaupun menyambut baik pembangunan itu, namun dia berharap kerajaan dapat meman-

dang secara keseluruhan impak projek berkenaan khususnya kepada golongan yang mencari rezeki di laut.

Dia yang mewakili suara nelayan di negeri ini berkata, pihaknya sama sekali tidak menolak sebarang bentuk pembangunan, namun dia meminta agar situasi memang-mang dapat dilihat menerusi projek berkenaan.

"Kami memang menyokong penuh pembangunan M-WEZ yang dapat memacu kemajuan Melaka. Untuk apa jua pembangunan memang kita perlu berkorban.

"Cuma, saya minta pandangan secara keseluruhan. Memang laut bukan tanah kami, tetapi inilah tempat kami mencari rezeki sehari-hari.

"Kalau boleh berilah sesuatu pulangan juga kepada nelayan yang sedikit sebanyak terjejas daripada projek ini. Bukan kita memandang wang semata-mata, tetapi sekurangnya dengan cara itu nasib nelayan akan terbelah," katanya.

// Apa sahaja projek berskala besar yang dilaksanakan di negeri ini dapat mementingkan ketelusan dan memberi kesan positif kepada rakyat pada masa akan datang. //

Dalam pada itu, seorang peniaga, Hambali Mustafa, 49 pula meminta apa sahaja projek berskala besar yang dilaksanakan di negeri ini dapat mementingkan ketelusan dan memberi kesan positif kepada rakyat pada masa akan datang.

"Kita sebagai rakyat sentiasa memberi sokongan penuh kepada pembangunan negeri tetapi kalau boleh impak pembangunan itu janganlah terlalu memberi kelebihan kepada golongan atasan sebaliknya mementingkan juga keperluan segelintir lapisan rakyat di negeri ini," katanya.

Artikel Akhbar - Melaka Hari Ini
05 April 2021

Dr. Abdul Rauf Ridzuan
Penyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Gaya AGAMA

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT - 9 APRIL 2021

21

Oleh: MUAZ MOHD. NOOR
muazmohdnoor@gmail.com

KEBIASAANNYA apabila menjelang Ramadan, kita akan mendengar kisah atau khabar-khabar gembira tentang bulan yang penuh berkat ini.

Dibawakan hadis-hadis yang menceritakan kelebihan dan keistimewaan bulan ini sebagai motivasi untuk umat Islam meraih sebarang mungkin pahala dan ganjaran yang terdapat di dalamnya.

Namun tahukah kita, di sana terdapat juga beberapa hadis yang menceritakan tentang khabar yang 'menakutkan' setiap kali menjelang dan berlalunya Ramadan?

Antara hadis yang menceritakan ancaman atau peringatan keras nabi berkaitan Ramadan adalah yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. Menurut beliau, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "...Rugi (celaka) orang yang apabila masuknya bulan Ramadan, kemudian Ramadan itu berlalu sebelum dosa-dosanya diampuni..." (Riwayat al-Tirmidzi)

Bayangkan ancaman daripada Rasulullah SAW terhadap sejenak kumpulan manusia yang telah lalu Ramadan tetapi bukan sekadar dosanya tidak diampuni, bahkan nabi mendoakan pula kerugian atau kecelakaan untuk mereka. Semoga dijawab...

Begitu juga dengan hadis yang masyhur daripada Jabr bin Abdullah r.a. Beliau menceritakan saat ketika mana Nabi SAW melangkah menaiki anak tangga untuk menyampaikan khutbah, tiba-tiba didatangi malaikat sambil membacakan sesuatu kepada Nabi SAW, sehingga baginda menyebutkan azzimin sebanyak tiga kali.

Menjawab kehairanan sahabat, nabi SAW bersabda yang bermaksud: Ketika aku menaiki anak tangga yang pertama, Jibril datang kepadaku dan berkata: Celakalah seseorang hamba yang bertemu dengan Ramadan, tetapi keluar daripadanya tanpa diampuni dosanya. Lalu aku pun menyebut Azzimin. (Riwayat al-Bukhari)

Ya, yang berdoa

Ramadan: 'Ancaman' Nabi SAW

“...Rugi (celaka) orang yang apabila masuknya bulan Ramadan, kemudian Ramadan itu berlalu sebelum dosa-dosanya diampuni...”

(RIWAYAT AL-TIRMIDZI)

'kecelakaan' adalah malaikat dan yang mengaminkan doa ini adalah Nabi SAW.

SIAPA GOLONGAN RUGI INI?

Mungkin akan timbul kefahaman dalam kalangan kita, hadis-hadis ini mungkin menyasarkan kepada golongan yang jelas tidak berpuasa Ramadan. Juga yang tidak mendirikan solat

pada malam Ramadan, yang tetap melakukan maksiat dan kemungkaran secara terang-terangan dalam Ramadan sehingga nabi memberi khabar menakutkan.

Walhal, ia tidak semestinya ditujukan kepada golongan tersebut. Bahkan terdapat hadis lain menceritakan bahawa golongan ini juga berpuasa dan solat sebagaimana kita.

Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar, dan boleh jadi orang yang berjihad itu tidak mendapat apa-apa daripada jiamnya melainkan hanya berjaga malam. (Riwayat Ibnu Majah).

Maksud fenulahu atau "tidak mendapat apa-apa" ini termasuklah tidak mendapat pahala dan tidak pula mendapat ganjaran diampuni dosa.

Kemudian dalam hadis riwayat Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda

yang bermaksud: Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengumukannya, maka Allah tidak berhak orang itu meninggalkan makan dan minumannya. (Riwayat al-Bukhari)

Hadis-hadis ini mengukuhkan dalil bahawa terdapat sekumpulan manusia yang menghadapi Ramadan bersama kita, 'bersusah payah' berpuasa sepanjang hari dan mendirikan solat pada malam hari seperti kita. Namun semua itu tidak memberi makna kepada si pelaku, melainkan sia-sia.

Sifatnya mudah: Ramadan tiba - amalan tidak diterima (sia-sia)

Ramadan berakhir - dosa tidak diampuni - didoakan kecelakaan.

KESIMPULAN
Di dalam Surah Mukkiah al-Manashir, dikatakan qiam (termasuk puasa dan amal lain) seseorang itu menjadi sia-sia apabila hilangnya dua syarat iaitu ikhlas dan khuyuq. Tambahan pula, risk juga boleh menyebabkan qiam seseorang itu boleh menjadi sia-sia.

Sementara itu, nasihat Jabr bin Abdullah r.a., "Seandainya kamu berpuasa maka hendaklah pendengaranmu, penglihatanmu dan lisammu turut berpuasa dari melakukan pendustaan dan hal-hal yang haram, serta jarganlah kamu menyakiti tetangga. Bersikap tenang dan berwibawa di hari puasa. Jarganlah kamu jadikan hari puasa dan hari tidak berpuasa sama saja." (Latho'if Al-Ma'arif, 1/168, Ary Syamilah)

Allah SWT berfirman yang bermaksud: Sesungguhnya mereka adalah orang yang selalu bersegera dalam (mengajukan) perbuatan-perbuatan yang baik dan mereka berdoa kepada Kami dengan harap (raghbah) dan bimbang (rahbah). Dan mereka adalah orang-orang yang khuyuq kepada Kami. (al-Anbiya': 90)

Moga-moga perasaan rahbah iaitu perasaan 'takut' yang ditimbulkan daripada ayat-ayat ancaman dan amaran ini, membuatkan kita kembali sentiasa bermuhasabah, seterusnya membuatkan nawaitu dan tataratunya.

Untuk itu, marilah kita membayangkan doa: Ya Allah, aku memohon pada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima. (Riwayat Ibnu Majah)

Semoga Ramadan 1442H ini benar-benar bermanfaat buat diri kita, keluarga dan kita semua, aamin ya Robb.

MUAZ MOHD. NOOR ialah Penyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Muazmohd@gmail.com



“Moga-moga perasaan 'rahbah' iaitu perasaan 'takut' yang ditimbulkan dari ayat-ayat ancaman dan amaran ini, membuatkan kita kembali sentiasa bermuhasabah.”

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
09 April 2021

Muaz bin Mohd Noor
Pensyarah
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
UiTM Cawangan Melaka

Kukuh akar umbi, bukan penting diri



PERSPEKTIF
SHAFEZAH ABDUL WAHAB

127 tahun kukuh mencengkam bumi, akhirnya pokok ikonik Melaka atau nama saintifiknya *Peltophorum Pterocarpum* yang ditanam sejak zaman penjajahan British pada tahun 1824 di hadapan Bangunan Merah Stadthuys, Banda Hilir Melaka rebah dalam kejadian angin kencang baru-baru ini.

Sungguhpun faktor cuaca menjadi punca rebahnya pokok legenda itu, dalam perspektif lain dapat dilihat pokok yang berabad lama itu telah penat, akar yang tersekat berasakan dia sudah tidak bermanfaat. Disebabkan akar yang sepatutnya menyuburkan tanah tersekat, maka berdiam sampai mati sendirinya.

Begitulah manusia. Jika hidupnya disekat daripada memberi manfaat kepada orang lain, maka yang jujur akan mati. Sekuat mana pun akar, persekitaran yang 'dicemar' akan mereputkan asas yang kukuh. Inilah analogi yang

berlaku dalam politik semasa di Malaysia. Rakyat semakin penat melihat gelagat ahli politik yang hanya memberi tumpuan kepada politik semata-mata sehingga kurang memberi tumpuan untuk berkhidmat kepada pengundi.

Seorang ahli politik yang baik adalah yang sentiasa peka terhadap denyutan nadi negara dan sentiasa mendengar suara-suara rakyat. Maka, berhentilah bertelagah dan 'buat perangai'.

Bagi rakyat biasa di luar ruang lingkup parti politik, mereka memerhatikan keadaan itu. Amat memeningkan dan mengecewakan kerana melihat pendirian parti-parti Melayu yang mudah bertukar-tukar saban hari. Di manakah asas pendirian parti politik tersebut?

Rakyat menganggap ahli politik sebagai tamak dan hanya pentingkan diri sendiri. Ia perlu diubah segera. Ahli politik perlu sedar tindakan mereka membuatkan rakyat semakin

muak. Kita perlu terma hakikat bahawa era hegemoni satu parti sudah berakhir, malah gabungan empat atau lima parti pun hanya mampu menang dengan majoriti tipis.

'Kebiasaan baharu' untuk Malaysia bukan hanya melibatkan penjarakan fizikal dan pengasingan diri daripada

masyarakat. Kini ia juga menentukan bagaimana politik harus digerakkan. Parti-parti dan ahli-ahli politik perlu mencari titik persamaan yang boleh membuatkan mereka bekerjasama dan memberi manfaat demi rakyat. Sebaik sahaja tamat pilihan raya nanti, perlu segera bekerja demi negara dan rakyat.

Monopoli dan hegemoni sudah tidak lagi wujud. Yang wujud hari ini adalah perkongsian kuasa. Mereka yang menang dan mereka yang kalah perlu duduk semeja memikirkan apakah terbaik untuk negara. Mereka perlu meneroka dan mempertimbangkan se-dikit konsesi serta tolak ansur.

Kestabilan politik masa kini amat diperlukan kerana beberapa faktor iaitu negara sedang berdepan Covid-19 yang memerlukan fokus dan kerjasama semua pihak tanpa diganggu perbalahan politik atau lebih teruk lagi, sabotaj atau khianat yang didorong oleh kepentingan politik peribadi.

2021 juga merupakan permulaan Rancangan Malaysia ke-12 yang amat penting untuk menjadi tapak permulaan rancangan ekonomi Malaysia dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Golongan peniaga dan industrimengharapkan mandat baharu pilihan

raya akan meneruskan dasar dan polis masa kini seperti pelan Prihatin dan Penjana yang berterusan memberi bantuan kepada perniagaan. Selepas pilihan raya, keutamaan yang harus diberi perhatian adalah meneruskan suntikan fiskal ke dalam ekonomi domestik terutamanya suntikan fiskal langsung kepada individu, isi rumah dan peniaga.

Dana untuk pinjaman oleh perniagaan harus ditambah dan proses permohonan mendapatkan pinjaman itu perlu dipermudahkan serta bersasak kepada perusahaan mikro serta peru-

sahaan kecil sederhana (PKS) terutama dalam kalangan peniaga bumiputera. Industri baharu seperti IR4.0 dan ekonomi digital juga perlu diberi keutamaan, selain meningkatkan penguasaan Malaysia dalam hab halal global.

Sikap tidak peduli dan besar diri dalam kalangan segelintir pemimpin, bahkan menganggap 'wabak' itu sudah berjangkit secara perlahan. Rendahkanlah diri, lapangkan dada dan luaskan pemikiran. Jangan terlalu ikut emosi dan amarah diri. Insya-ALLAH rakyat akan bersama.

* Penulis ialah bekas wartawan dan Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Sinar Harian

09 April 2021

Shafezah binti Abdul Wahab

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Salah guna internet, hilang pahala puasa

Teknologi maklumat, media sosial bukan hanya memudahkan umat Islam berpuasa, bahkan cabaran 'menggadaikan' ibadah

Oleh Nazri Abu Bakar
nbakar@uiTM.com.my

Kemudahan teknologi maklumat dan internet termasuk media sosial banyak membantu kita menjalani ibadah puasa seperti mengetahui waktu masuk dan iftar atau berbuka puasa, membaca al-Quran, zikir serta selawat daripada telefon bimbit.

Malah, petikan al-Quran dan hadis, hukum-hukum fiqh khususnya puasa seperti nasihat ulama dan orang soleh sebagai ilmu bermanfaat, sekali gus menjadi pahala berganda.

Bagaimanapun di sebalik kemudahan itu, ia juga memberikan cabaran besar kepada umat akhir zaman berbanding generasi sebelum ini yang boleh mengelakkan sebarang perbuatan dan perkataan menghilangkan pahala puasa dengan duduk bersendirian.

Ini kerana kita dengan segala kemudahan teknologi maklumat dan internet, boleh melakukan pembongkaran, menyebut keburukan orang lain atau membuat tuduhan palsu serta fitnah meskipun berada dalam bilik paling gelap.

Pada zaman ini, kita tidak perlu berdepan dengan musuh, namun api permusuhan boleh tersebar walaupun berada jauh daripada himpunan manusia hingga leka mengumpul dosa melalui hujung jari.

Pensyarah Kanan dan Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Dr Mohd Faizal P Rameli, berkata kewajipan puasa ditetapkan kepada umat Nabi Muhammad SAW dan umat terdahulu untuk faedah dunia serta akhirat berkaitan ketakwaan.

"Takwa meliputi semua perintah Allah SWT sama ada berbentuk suruhan

atau larangan. Suruhan tidak tertumpu hanya pada ibadah khusus seperti solat, puasa dan zakat, bahkan termasuk sosial, politik dan ekonomi.

Uji kesabaran

Ibadah puasa dilakukan penuh ketiaan dan kekhalasan berupaya mentarbiyah serta mendidik Muslim menjadi insan mulia, beradab, berdisiplin, rendah diri dan bersabab.

"Justeru, berpuasa bukan hanya menjaga diri daripada melakukan perkara membatalkannya secara fizikal kerana ia mudah. Malah, kita perlu memelihara puasa daripada perbuatan dan perkataan bukan sahaja mengurangkan pahala, bahkan membatalkan makna serta falsafah puasa," katanya.

Beliau berkata, ia bertepatan dengan Ramadan dalam bahasa Arab yang sinonim dengan keadaan terlalu panas. Justeru perintah berpuasa sering dikaitkan ujian berkaitan bahang cuaca, lapar dan dahaga.

"Semuanya menguji kesabaran manusia melaksanakan perintah Allah SWT itu seperti firman-Nya: 'Wahai orang beriman, diwajibkan (diwajibkan) ke atas kamu puasa seperti diwajibkan ke atas orang sebelum kamu, semoga kamu bertakwa.' (Al-Baqarah: 183)

"Ayat itu bukan sekadar menjelaskan kewajiban berpuasa kepada umat Islam, bahkan menjelaskan tujuan pelaksanaan ibadah puasa, iaitu untuk memelihara ketakwaan," katanya.

Justeru, Mohd Faizal mengingatkan

Muslim tidak menjaga adab semasa berpuasa akan menjalani ibadah itu sekadar lapar, dahaga dan penat seperti sabda Rasulullah SAW: Boleh jadi orang berpuasa itu

tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang bergaji itu tidak mendapat apa-apa daripada gajinya melainkan hanya berjaja malam." (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Beliau berkata, puasa seseorang itu boleh menjadi sia-sia dan ha berasa lapar serta dahaga sekiranya tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan yang sia-sia dan dusta.

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: Barang siapa tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya maka Allah tidak berpuasanya orang itu meninggalkan puasa dan minumannya." (HR Bukhari).

Begitu juga kepada mereka tidak meninggalkan perkataan melaki dan lucah seperti diri

nyatkan Abu Hurairah RA. Nabi SAW bersabda: Puasa bukanlah hanya menahan diri daripada makan minum sahaja, tetapi menahan diri daripada perkataan melaki dan

lucah." (al-Targhib wa al-Tarhib). Malah, kita yang digalakkan qiamullail juga perlu memberikan perhatian kepada ibadah malam itu supaya ia tidak menjadi sia-sia apabila hilang syarat ikhlas.

Perlu ikhlas

Tanpa ikhlas dan khusyuk, sifat riyak boleh menyusup hingga menyebabkan qiamullail seseorang itu boleh menjadi sia-sia. Harus diingat, riyak antara sifat orang munafik.

Firman Allah SWT:

"Sesungguhnya orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riyak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang beriman), dan mereka pula tidak mengingat Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang)." (al-Nisa': 142)

Sebagai umat akhir zaman, kita berada dalam keadaan yang lebih mencabar hingga bersendirian di dalam bilik pun boleh melakukan dosa berdusta, mengumpat atau melemparkan tuduhan dan fitnah.

Abu Ubaidah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: Puasa ialah perisai selagi seseorang itu tidak memecahkannya". (HR Nasa'i dan Ibnu Majah).

Dalam hadis lain, Nabi SAW menjelaskan perkara boleh memecahkan perisai puasa ialah berdusta dan mengumpat.

Harus diingat, ramai orang sah puasanya tetapi tidak diberi pahala kepadanya. Justeru, amat penting dalam ibadah puasa dua perkara diambil berat, iaitu memelihara daripada batal puasa dan memelihara daripada batal pahala puasa.

Orang berpuasa tetapi tidak memelihara lidah (percakapannya) dan masih melakukan maksiat, tidak akan diberi pahala oleh Allah SWT selain lapar dan dahaga sahaja.

Puasa paling istimewa di sisi Allah SWT ialah mereka dapat menahan lapar dan dahaga serta menjaga pancaindera daripada melakukan maksiat dan dosa, selain melipatgandakan amal ibadah lain sepanjang Ramadan.

Kelelahan dan kelelahan sepanjang tempoh berpuasa seharusnya boleh menyekat kita daripada perkara dilarang, tetapi lubuk dosa melalui lidah beralih kepada jari melalui telefon bimbit atau tablet hingga melupakan kita sebenarnya sedang berpuasa.



“Puasa seseorang itu boleh menjadi sia-sia dan hanya berasa lapar serta dahaga sahaja sekiranya tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan keji atau dusta”

Mohd Faizal P Rameli

Artikel Akhbar - Berita Harian

18 April 2021

Nazri Abu Bakar
Pembantu Pustakawan Tertinggi
UiTM Cawangan Melaka

30 pelajar asnaf dapat komputer riba

DALAM berhadapan pandemik Covid-19, sesi pembelajaran secara dalam talian memainkan peranan sangat penting. Menyedari hal ini, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Melaka mengambil inisiatif menyediakan komputer riba kepada pelajar yang memerlukan.

Sumbangan 30 unit komputer riba oleh zakat korporat Tabung Haji kepada pelajar UiTM Cawangan Melaka itu adalah sebahagian daripada peruntukan sumbangan lebih 500 komputer riba secara percuma kepada pelajar asnaf UiTM seluruh negara.

Rektor, Prof. Dr. Abd Halim Mohd. Noor berharap, penerima memanfaatkan sebaik mungkin sumbangan komputer riba ini khusus untuk tujuan pembelajaran.

"Kita mengharapkan pelajar memanfaatkan sebaik mungkin komputer riba ini, seterusnya memanfaatkan sumbangan dari tabung zakat



DR. Abd. Halim Mohd. Noor (Tengah) menyerahkan komputer riba kepada salah seorang pelajar di UiTM Cawangan Melaka, baru-baru ini.

ini tujuan sesi pembelajaran. "Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih khususnya dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian

akademik masing-masing", katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba oleh Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (El-Wazif), UiTM

Cawangan Melaka kepada 30 pelajar asnaf miskin UiTM Melaka, baru-baru ini.

Penyerahan disempurnakan Dr. Abd. Halim Mohd Noor. Turut hadir, Koordinator Unit

Waqaf, Zakat dan Infaq (El-Wazif), UiTM Melaka, Muaz Mohd. Noor.

Sementara itu, Muaz berkata, antara hasrat utama pihak penyumbang adalah membantu pelajar kategori keluarga B40 setiap cawangan memudahkan pembelajaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ia berikutan terdapat banyak kes pelajar IPT tidak memiliki peranti elektronik sesuai untuk proses pembelajaran secara Open and Distance Learning (ODL).

"Atas dasar tanggungjawab sosial dan kebajikan, beberapa pihak termasuk Tabung Haji menghulurkan bantuan kepada pelajar memerlukan, khususnya dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah (B40)," katanya.

Dalam pada itu, Unit El-Wazif turut mengalu-alukan sekiranya ada badan korporat atau syarikat swasta yang ingin menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia

29 April 2021

Sumber Artikel : Akmad Adanan
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UTMCM

Bimbang rentas negeri cetus gelombang keempat

Oleh Siti Hajar Abdul Aziz
bhrencana@bh.com.my



Penyarah Kanan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa prosedur operasi standard (SOP) bagi sambutan Aidilfitri tahun ini, masih dalam penelitian.

Ia akan diumumkan kepada orang ramai selepas diperhalusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Di media sosial, ada yang berkongsi pelbagai kisah duka sepanjang larangan merentas negeri dikuatkuasakan.

Ada yang menyuar kelonggaran diberikan, ada juga memberi pelbagai reaksi negatif termasuk menzahirkan rasa kekecewaan.

Jujurnya, semakin dekat kita dengan hari lebaran, semakin tinggi harapan semua untuk merayakannya dengan kelengkapan, terutama bersama ibu bapa yang jauh di kampung halaman.

Di corong radio juga, sudah ada yang mula memainkan lagu hari raya dan semestinya, ia membuat hati perantau menjadi sayu terkenangkan

ibu bapa mereka.

Jika larangan ini kekal, maka ia kali kedua dalam sejarah rakyat Malaysia terpaksa menyambut Aidilfitri dengan kesederhanaan tanpa dapat pulang ke kampung halaman.

Walaupun ramal sedar langkah ini antara usaha penting kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19, masih ada yang menafikan keperluannya dalam membantu usaha kerajaan mengurangkan kes jangkitan COVID-19 yang semakin hari semakin bertambah serta kadar kebolehan jangkitan yang turut meningkat.

Kita perlu menerima hakikat bahawa COVID-19 mudah berjangkit daripada satu individu kepada individu yang lain. Lantas, mengekalkan jarak minimum satu meter antara satu sama lain amat sukar dilaksanakan sewaktu perhimpunan keluarga dan aktiviti sosial lain seperti jamuan makan serta ziarah-menziarah.

COVID-19 dengan kemujanya mengubah gaya kehidupan kita. Siapa sangka hari ini berkongsi cerita kosong sambil minum kopi bersama ibu saudara, kakak dan sepupu di halaman rumah juga memungkin akan ada yang terkena jangkitan.

Mungkin ada yang sembuh, mungkin juga ia boleh membawa maut.

Jika tahun lalu, kerajaan memberikan kelonggaran untuk kita saling mengunjungi terhad kepada raya pertama saja dengan tiada solat sunat Aidilfitri dibenarkan, namun perlu diingat jangkitan COVID-19 pada ketika itu hanya sekitar ratusan kes.

Dengan kes jangkitan harian direkodkan kira-kira 2,000 sejak dua minggu kebelakangan ini, prosedur operasi standard (SOP) Aidilfitri dijangkakan menjadi lebih ketat.

Kita tidak mahu aktiviti merentas negeri akan mencetuskan gelombang keempat COVID-19 di negara ini.

Lantas, rakyat Malaysia diseru untuk bersabar dan tidak memberikan tekanan kepada kerajaan dalam perihal larangan merentas negeri.

Dalam melawan musuh yang tidak kelihatan di mata kasar ini, kepatuhan kepada SOP mungkin kunci utama sama ada kita menang ataupun kalah.

Pada masa sama, kita juga mempunyai tanggungjawab dalam memastikan ahli keluarga yang kita sayangi bebas daripada jangkitan.

Perjuangan ini adalah perjuangan kita bersama. Diharapkan pengorbanan ini berbaloi dan suatu hari nanti, kita semua boleh kembali memeluk erat semua wajah yang kita cintai.

Artikel Akhbar - Berita Harian

29 April 2021

Siti Hajar binti Abdul Aziz

Penyarah Kanan

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

UiTM Cawangan Melaka

Diterbitkan oleh:



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 7 7 2 7 8 5 8 0 4 0 0 5